

HELAIAN KETERANGAN PRODUK

Anda perlu membaca Helaian Keterangan Produk ini dan terma dan syarat sebelum membuat keputusan untuk membeli produk ini.

i-Care

1. Apakah i-Care?

i-Care adalah satu produk insurans bertempoh tanpa penyertaan dan boleh diperbaharui setiap tahun yang memberi maanfaat perlindungan terhadap kematian, kematian akibat kemalangan dan kehilangan upaya menyeluruh dan kekal. Anda boleh membeli produk ini jika Anda berumur antara 18 sehingga 60 tahun. Pelan ini akan diperbaharui secara automatik sehingga Orang yang Diinsuranskan berumur 80 tahun.

2. Apakah jenis perlindungan / manfaat yang ditawarkan?

i-Care - Pelan B	
Perlindungan	Amaun Manfaat (RM)
Manfaat Kematian	300,000
Manfaat Tambahan Kematian Akibat Kemalangan ¹	150,000
Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh Dan Kekal	300,000

¹ Kematian Akibat Kemalangan mestilah disebabkan oleh cedera fisik dalam tempoh tigah puluh (30) hari dari tarikh kemalangan.

Tempoh perlindungan: Polisi Insurans boleh diperbaharui sehingga umur 80 tahun dengan pembayaran premium yang sewajarnya.

Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma dan syarat serta definisi yang tepat.

3. Berapakan jumlah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang anda perlu bayar adalah mengikut pelan yang anda pilih dan bergantung kepada umur anda semasa pembelian atau pembaharuan:-

Umur Semasa	Premium Tahunan (RM)		Umur Semasa	Premium Tahunan (RM)	
	Lelaki	Perempuan		Lelaki	Perempuan
18 – 35	457.00	289.00	68	8,839.00	4,800.00
36 – 40	519.00	330.00	69	9,743.00	5,308.00
41 – 45	755.00	455.00	70	9,681.00	5,259.00
46 – 50	1,207.00	677.00	71	10,650.00	5,811.00
51 – 55	1,953.00	1,065.00	72	11,700.00	6,408.00
56 – 60	3,039.00	1,689.00	73	12,837.00	7,062.00
61	4,305.00	2,288.00	74	14,070.00	7,770.00
62	4,793.00	2,556.00	75	15,399.00	8,538.00
63	5,324.00	2,846.00	76	16,836.00	9,372.00
64	5,909.00	3,166.00	77	18,384.00	10,272.00
65	6,549.00	3,519.00	78	20,055.00	11,250.00
66	7,248.00	3,909.00	79	21,852.00	12,303.00
67	8,011.00	4,334.00	80	23,784.00	13,443.00

Premium pembaharuan adalah TIDAK TERJAMIN dan akan meningkat berdasarkan umur anda semasa pembaharuan. Kami berhak untuk mengubah premium dengan memberi anda notis bertulis sembilan puluh (90) hari.

4. Apakah jenis yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Nil.

5. Apakah perkara-perkara atau syarat-syarat utama yang perlu saya ketahui?

- Kepentingan pendedahan - Anda perlu mendedahkan semua fakta penting yang mempengaruhi profil risiko anda seperti pekerjaan dan umur anda dengan tepat.
- Jika anda gagal memberitahu kami mengenai sebarang pertukaran pekerjaan anda, kami mungkin menafikan perlindungan anda.
- Tempoh tenggang selama tigah puluh satu (31) hari daripada ulang tahun polisi akan dibenarkan untuk pembayaran pembaharuan premium di mana Polisi Insurans masih berkuat kuasa. Selepas tempoh tenggang berakhir, jika premium belum dibayar, Polisi Insurans akan lupus dan perlindungan insurans akan tamat.
- Anda atau wakil anda mesti memberikan notis bertulis secepat mungkin selepas peristiwa tuntutan. Sebarang kelewatan dalam berbuat demikian boleh menjejaskan taksiran tuntutan kami. Sila hubungi wakil perkhidmatan pelanggan kami yang akan membantu anda atau wakil anda dalam mengemukakan tuntutan.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

6. Apakah pengecualian utama di bawah produk ini?

- Manfaat kematian TIDAK akan dibayar, jika kematian disebabkan perkelahian, menjalani hukuman undang-undang atau melakukan tindakan haram mengikut undang-undang Malaysia.
- Manfaat Tambahan Kematian Akibat Kemalangan TIDAK akan dibayar jika Kematian disebabkan serangan atau pembunuhan, rusuhan, bunuh diri, pengaruh alkohol, salah guna dadah, mengandung, cacat sedia ada, aktiviti berisiko tinggi dan pekerjaan berbahaya termasuk tetapi tidak terhad kepada bertinju dan menyelam dan acrobat.
- Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal Tambahan (HUMK) TIDAK akan dibayar jika HUMK disebabkan: cubaan membunuh diri, kecederaan ke atas diri sendiri, semasa berada di bawah pengaruh dadah atau alkohol, terlibat dalam aktiviti yang berisiko tinggi, terlibat dalam pelayaran kapal selam, melaksanakan kewajipan dalam perkhidmatan ketenteraan, penyakit atau kemalangan sedia ada, kegiatan berbahaya dan pekerjaan termasuk tetapi tidak terhad kepada ahli tinju, juruselam dan akrobat.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

7. Bolehkah saya membatalkan Polisi Insurans?

Jika Polisi Insurans Anda sudah dikeluarkan, dan Anda membuat keputusan untuk membatalkan Polisi Insurans anda, atas apa sahaja sebab, Anda boleh memulangkan Polisi Insurans kepada Kami untuk pembatalan. Jika permintaan untuk pembatalan diterima oleh Kami dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran Polisi Insurans Anda. Anda berhak menerima bayaran balik pembayaran premium yang dibayar, tanpa faedah. Jika Anda membatalkan Polisi Insurans anda selepas lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran Polisi Insurans anda, Polisi Insurans akan tamat pada Ulang Tahun yang akan datang dengan tiada pengembalian premium yang telah dibayar. Produk ini bukan pelan simpanan, oleh itu tiada nilai tunai akan dipulangkan pada penyerahan atau penamatan.

8. Apa yang perlu saya lakukan jika berlaku perubahan maklumat perhubungan anda?

Adalah penting untuk Anda memberitahu Kami sekiranya terdapat sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan segala surat menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat tambahan berkenaan insurans hayat, sila rujuk buku maklumat insurans yang terdapat di semua cawangan kami atau layari laman web www.insuranceinfo.com.my.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami:

Gibraltar BSN Life Berhad 199301022976 [277714-A]

Level 21, Mercu 2, KL Eco City, No.3 Jalan Bangsar, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Khidmat Pelanggan: 1300-22-6262

www.GibraltarBSN.com

E-mel: customerservice@gibraltarbsn.com

10. Produk lain yang serupa?

Sila hubungi Kami untuk produk lain yang serupa yang ditawarkan oleh Kami.

NOTA PENTING:

MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT ADALAH SATU KOMITMEN KEWANGAN JANGKA MASA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS POLISI YANG MEMENUHI KEPERLUAN SERTA BERSESUAIAN. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN HUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

INI ADALAH PRODUK SALURAN LANGSUNG. IA ADALAH PRODUK PERLINDUNGAN TULEN TANPA NILAI TUNAI.

Gibraltar BSN Life Berhad adalah berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Maklumat yang dinyatakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada: 1 June 2019